

07 APR 2001

Abdullah-Perpaduan

PERPADUAN RAKYAT KUNCI KEJAYAAN MATLAMAT RRJP3, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan di Parlimen pada Isnin lepas hanya boleh dicapai jika masyarakat bersatu, stabil dan aman, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Tanpa titik permulaan seperti itu, perancangan sebaik mana pun tidak akan dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan atau produktiviti...jika masyarakat kita dibelenggu ketegangan dan keganasan etnik, ketiadaan toleransi agama ataupun ketinggalan daripada segi sosio-ekonomi, tiada guna bercakap mengenai K-ekonomi dan teknologi pemboleh," kata beliau.

"Ini bermakna kita perlu menumpukan semula kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk mengambil kira bilangan miskin daripada semua kaum yang terus meningkat di kawasan bandar," katanya dalam ucapan di Sidang Kemuncak Pemuda 2001 di Universiti Malaya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin lepas membentangkan RRJP3 yang akan menggariskan langkah-langkah menguruskan ekonomi Malaysia bagi tempoh 10 tahun lagi untuk pembangunan ekonomi dan pembinaan negara.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata masalah golongan miskin di bandar jika tidak ditangani boleh menyebabkan ketegangan etnik dan juga keganasan seperti yang dapat dilihat dalam pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama, Petaling Jaya awal bulan lepas.

"Ini juga bermakna kita perlu meneruskan bersama pelan tindakan untuk membantu orang Melayu maju daripada segi ekonomi," dan menambah kata pelaksanaan OPP3 akan diperbaiki supaya penekanan yang lebih boleh diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

"Kita tidak mahu menggalakkan orang Melayu terlalu bergantung kepada kerajaan...jika tujuan kita ialah untuk mewujudkan bilangan kritikal pekerja profesional, kita mesti membasmi mentaliti subsidi di kalangan mereka dan bantuan ini mesti dilihat sebagai langkah pertama untuk maju dan bukan untuk seumur hidup," kata Abdullah.

Beliau berkata komitmen kerajaan dalam menjalin perpaduan tidak boleh dipandang remeh kerana ia percaya perpaduan rakyat merupakan intipati penting dalam mencapai kejayaan dalam pembangunan.

Abdullah juga berkata tahap polarisasi di universiti-universiti di negara ini membimbangkan dan jika ia tidak ditangani ia boleh merebak kepada masyarakat.

"Semangat muhibah kini dalam bahaya menjadi sesuatu yang tidak mempunyai makna, ataupun hanya timbul semasa majlis tertentu seperti Hari Kebangsaan atau sambutan keagamaan."

Beliau berkata generasi muda mesti mempunyai keazaman dan komitmen untuk menyelesaikan "masalah kita sendiri" dan melaksanakan strategi negara.

"Bukan sahaja saya berharap anda akan berjaya dalam mengejar kecemerlangan, saya juga berharap anda akan membuka minda anda terhadap realiti di sekeliling kita...Saya tidak mahu generasi muda dengan minda tertutup dan tidak terdedah," kata Abdullah.

Beliau berkata, sikap ini hanya akan membawa kepada kehilangan toleransi dan respons tindakbalas dan rakyat perlu sentiasa berwaspada terhadap penggunaan agama atau ideologi untuk memesongkan perhatian daripada tujuan asal untuk bersiap sedia menghadapi globalisasi.

Beliau berkata dalam era teknologi moden, pengaruh media massa dan

pembangunan pesat negara, rakyat tidak harus lupa yang "walau apapun kita tetap rakyat Malaysia."

-- BERNAMA

SR ZS PR